

ANALISIS KEPERLUAN PEMBINAAN MODUL PENGAJARAN PENDIDIKAN
AKHLAK MUALAF SELANGOR BAGI STRATEGI PENYAMPAIAN
PENGAJARAN

*Need Analysis For The Construction Of A Teaching Module For The Ethics
Education Of Selangor Converts For Teaching Delivery Strategies*

SITI FATKHIAH JAMADI*, JAFFARY AWANG & ZUL 'AZMI YAAKOB¹

ABSTRACT

Education is the main core in shaping noble moral character in the hearts of converts, and character is an important asset in Islam. The need for moral education for the converted group requires the study of constructing comprehensive moral education teaching modules, including suitable teaching delivery strategies so that the converted group receives continuous guidance. This article focuses on the analysis of the need to identify moral issues and problems among converts in the compulsory convert religious classes (KFAM) at the Selangor Zakat Board (LZS) and also identifies the need for the construction of modules for teaching moral education for converts in Selangor for the teaching delivery strategy element. Needs analysis is one of the important phases in the data collection process to obtain input on the need for the construction of a module. The research design is in the form of qualitative research focusing on document analysis. Two elements have been identified, (i) the approach to teaching module delivery methods based on the Quran and Hadith moral education approach and moral education according to Islamic scholars, and (ii) innovation in the formation of convert moral education teachers involving aspects of mastery of basic teaching knowledge, comparative religion knowledge, and psychology knowledge. The findings of this study provide positive implications for teachers to improve teaching and learning methods through suitable Islamic moral education theories tailored to the background of students as converts. The findings of the study also provide an important indicator for further research, which is to design and develop moral education teaching modules for converts in Selangor.

Keywords: *needs analysis, module development, moral education, converts*

¹ **Siti Fatkhiah Jamadi** (Corresponding Author)* PhD candidate at the Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA. Email: p126661@siswa.ukm.edu.my; **Jaffary Awang**, PhD., Associate Professor at the Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA, Email: jaffary@ukm.edu.my; **Zul 'Azmi Yaakob**, PhD, Senior Lecturer at the Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA. Email: zulazmi@ukm.edu.my

PENGENALAN

Pendidikan muallaf merupakan salah satu keperluan yang penting dalam pembangunandiri muallaf. Keperluan ini melibatkan suatu proses yang perlu kepada kajian dan penilaian secara terperinci terhadap struktur pendidikan dan bimbingan agama Islam untuk golongan muallaf. Menurut Siti Fathimatul Zahrah & A'thiroh Masyaa'il Tan (2015), kepentingan pendidikan Islam kepada golongan muallaf adalah untuk meningkatkan pengetahuan agama Islam. Muallaf merupakan golongan muslim yang masih dalam proses mempelajari agama Islam dan memerlukan bimbingan yang efektif bagi membantu mereka membina persepsi diri yang baru selepas menjadi seorang muslim.

Di Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mewujudkan kelas-kelas fardhu ain iaitu Kelas Fardhu Ain Muallaf (KFAM) di setiap peringkat daerah negeri Selangor. Sejarahawalnya, kelas-kelas pendidikan dan bimbingan muallaf ini dikendalikan oleh BahagianPengurusan dan Pembangunan Muallaf (MAIS). Namun demikian, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengambil inisiatif dalam memperkasakan pengurusan zakat di negeri Selangor dengan melaksanakan pemindahan fungsi perkhidmatan yang berkaitandengan pengurusan agihan, bantuan kebajikan dan pendidikan bagi asnaf muallaf di negeri Selangor kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) (Abd Razak et.al 2019).

Secara dasarnya, pelaksanaan Kelas Fardhu Ain Muallaf (KFAM) dilihat penting sebagaiusaha pihak Lembaga Zakat Selangor memenuhi keperluan dan kehendak golongan muallaf dalam mempelajari dan memperolehi ilmu pendidikan Islam. Namun begitu, terdapat beberapa isu muallaf yang berkaitan pendidikan dan akhlak muallaf. Antaranyaberdasarkan kajian Mariam et al. (2015) menyatakan bahawa para muallaf sukar memahami subjek akidah kerana ia berkaitan keyakinan seseorang muslim terhadap Allah s.w.t dan keyakinan mempercayai perkara ghaib. Apabila golongan muallaf tidak dapat memahami dan menghayati ilmu akidah dengan baik, bagaimana golongan ini mampu untuk mencorakkan akhlak muslim yang sebenar.

Sebaliknya, sekiranya pendidikan ilmu yang diperolehi melalui metode pengajaran dan modul pendidikan yang bersesuaian mengikuti tahap kefahaman golongan muallaf, hal ini akan meningkatkan tahap penghayatan Islam yang tinggi dikalangan pelajar muallaf. Seterusnya akan membantu golongan muallaf menjauhi dan menghindari perkara- perkara mungkar yang Allah s.w.t tidak suka seperti, mencuri, berbohong, hasad dengki, iri hati, tidak menutup aurat dan banyak lagi sifat mazmumah yang lain (Nur Najwa Hanani et.al 2020). Bahkan melalui akhlak yang baik ini juga, ia turut dapat membantu muallaf dalam membentuk akhlak yang baik dan menjadi contoh qudwah hasanah kepada golongan muallaf yang lain.

Dalam pada itu, hasil analisis awal turut mendapati bahawasanya masih terdapat kekurangan kajian yang membincangkan tentang keperluan pendidikan muallaf dari sudut pendidikan akhlak di Selangor khususnya dalam konteks pendidikan muallaf di KFAM LZS. Walaupun terdapat banyak program pendidikan muallaf yang disediakan,

namun modul khusus bagi pendidikan akhlak mualaf Selangor di KFAM LZS masih belum dilaksanakan. Kenyataan ini disokong dengan dapatan kajian Raba'ahadawiah Ahmad @ Yunus et.al (2022) menyatakan bahawasanya masih tidak terdapat penyelarasan pendidikan mualaf di peringkat pengurusan modul mualaf di Selangor. Bahkan, dalam hasil kajian bertajuk "*Modul Kefahaman Pendidikan Islam Terhadap Muallaf*" turut menjelaskan bahawa Lembaga Zakat Selangor (LZS) masih belum mempunyai modul khas berkaitan pembangunan dan pendidikan akhlak. Penekanan silibus terhadap mualaf tertumpu kepada perkara asas fardhu 'ain yang merangkumi pendidikan akidah dan fiqh sahaja termasuk amali solat, pembelajaran iqra' dan al-Qur'an (Amiratul Munirah 2020).

Sehubungan dengan itu, kehidupan golongan mualaf yang unik menjelaskan terdapat keperluan khusus dalam menyusun keperluan pendidikan akhlak mualaf. Hal ini disebabkan sebelum memeluk Islam, golongan mualaf berasal dari golongan yang mempunyai pelbagai anutan agama dan budaya seperti Buddha, Hindu, Kristian, Tao dan sebagainya. Setiap agama dan budaya yang wujud di atas muka bumi memiliki ajaran nilai yang tersendiri. Ajaran nilai ini pula merupakan jalan bimbingan ke arah kehidupan yang lebih baik bagi kepada umat anutan agama tersebut. Kenyataan ini disokong oleh Ahmad Basyir Aziz (2004) dengan menyatakan setiap agama yang wujud di atas mukabumi ini samada bersifat agama samawi (agama yang datang berasaskan wahyu dari Tuhan) dan agama budaya (agama yang lahir berasaskan pengalaman tokoh dan kehidupan) semuanya menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Oleh yang demikian, kajian pembinaan modul pendidikan pengajaran akhlak mualaf khususnya di Selangor perlu dilakukan. Pembinaan modul pendidikan akhlak mualaf dilihat sebagai salah satu keperluan yang penting dalam memenuhi keperluan pendidikan mualaf membentuk akhlak mualaf yang berkualiti. Dalam konteks pembinaan modul pendidikan akhlak mualaf, keperluan terhadap penyusunan isi kandungan modul mahupun strategi pengajaran penyampaian modul perlu diberi perhatian. Ini kerana ia akan memberi kefahaman yang baik kepada mualaf tentang pentingnya mempelajari ilmu akhlak disamping dapat mengekalkan budaya asal dalam kehidupan sebagai muslim.

Justeru, dalam membina modul pendidikan akhlak mualaf, pemilihan jenis modul dan proses pembinaan modul perlu dikaji. Sharifah Alwiah Alsagof (1981) menyatakan bahawa ciri-ciri modul sangat penting kepada pembina-pembina modul kerana ia dapat memberi gambaran jelas bagaimana modul tersebut dapat memberi manfaat kepada penggunanya. Beliau turut menyatakan antara ciri modul yang dibina adalah merujuk kepada sasaran golongan pengguna, objektif tingkah laku, isi kandungan berkaitan, pemilihan media, penyusunan strategi, penilaian dan beberapa lagi. Walaubagaimanapun, penulisan artikel ini mengfokuskan kepada kajian analisis keperluan pembinaan modul pendidikan pengajaran akhlak mualaf Selangor bagi elemen strategi penyampaian pengajaran.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini memfokuskan penelitian dari aspek keperluan pendidikan akhlak mualaf di Selangor. Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bagi meningkatkan tahap ilmu pendidikan kepada golongan mualaf. Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak LZS seperti pelaksanaan Kelas Fardhu Ain Mualaf (KFAM) di seluruh daerah negeri Selangor. Dengan cara ini, dapat membantu mualaf dalam pertingkatkan tahap ilmu pengetahuan agama Islam secara khusus. Hal ini turut dapat membentuk pegangan teguh golongan mualaf terhadap ajaran agama Islam. Malah dapat menambah kefahaman mengenai batasan dan larangan dalam agama, seperti melaksanakan segala suruhan Allah s.w.t dan meninggalkan segala larangan Allah s.w.t dengan sentiasa mempamerkan akhlak yang baik hasil dari pendidikan yang diperolehi.

Namun begitu, mualaf menghadapi cabaran dari segi membentuk tingkah laku dan berakhlak sebagai seorang muslim. Ini kerana mereka perlu menyesuaikan diri dengan nilai dan tuntutan baru yang datang dengan agama baru mereka anuti. Secara umumnya, Faudzinaim Hj Badaruddin (2005) menjelaskan, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh saudara Muslim boleh dilihat daripada dua sudut, iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran. Cabaran dalaman yang dihadapi oleh saudara Muslim ialah kesan spiritual dan tekanan psikologi sebelum memeluk Islam dan setelah memeluk Islam. Antaranya ialah tekanan spiritual untuk mencari dan memiliki kebenaran dan agama yang benar. Keduanya tekanan psikologi terkesan melalui bangkangan keluarga sebelum dan sesudah memeluk Islam. Ketiganya tekanan psikologi untuk menyesuaikan diri dengan suasana baru dan seterusnya keperluan untuk menjadikan diri sebagai role-model. Dalam penulisan Nor Arfah dan Abd Hakim (2022) yang bertajuk "*Cabaran Mualaf dalam Membina Kehidupan Baharu: Satu Kajian Kes di Mukah, Sarawak, Malaysia*" turut menyatakan cabaran dalaman boleh berlaku apabila saudara kita mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan suasana baru sebagai seorang Muslim.

Cabaran-cabaran yang dialami oleh golongan mualaf secara tidak langsung turut menimbulkan isu permasalahan akhlak dalam kalangan mualaf. Terdapat mualaf yang masih mengekalkan cara kehidupan ajaran agama sebelum Islam sekalipun telah bertahun memeluk Islam. Hal ini dibuktikan dengan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan di Pulau Pinang, terdapat 65 peratus mualaf yang masih mengamalkan cara hidup bukan muslim antaranya minum arak, mengandung anak luar nikah, dan berzinasehinggakan terdapat isu murtad yang dapat dikesan disebabkan oleh pasangan yang bercerai dan mengalami tekanan dari persekitaran (Azaruddin dan Khadijah 2015).

Dengan melihat kepada situasi realiti yang terjadi, dapat dirumuskan bahawasanya kefahaman dan amalan akhlak dalam kalangan mualaf masih rendah. Di Selangor, hal yang sama berkaitan masalah akhlak dari kalangan mualaf turut berlaku dan tidak terkecuali kewujudan masalah akhlak mualaf yang berada di dalam KFAM LZS. Antaramasalah akhlak yang dikongsikan oleh guru pembimbing asnaf mualaf (GPAM) Lembaga Zakat Selangor (LZS) ialah terdapat mualaf perempuan remaja yang

mengandung di luar nikah hasil perbuatan tidak bermoral bapa kandung sendiri yang juga seorang mualaf ketika berlansung waktu perintah kawalan pergerakan (PKP) disebabkan serangan wabak COVID-19 (Rabaah Adawiyah 2023). Selain itu, terdapat mualaf yang tanpa segan silu kurang beradab dan tidak mengikut kata guru yang mengajar di dalam kelas bahkan terdapat mualaf yang sering mengelakkan diri ketika GPAM mengajak untuk solat berjemaah bersama apabila masuk waktu solat (Faizah 2023). Faizah (2023) turut menjelaskan, terdapat dari kalangan pelajar mualaf yang bersikap tidak menghormati guru di dalam kelas KFAM LZS dan kebiasaannya golongan mualaf ini melibatkan kaum tertentu.

Isu permasalahan akhlak dari kalangan mualaf ini perlu diambil perhatian dengan lebih mendalam. Mualaf dilahirkan bukan dari kalangan keluarga asal Islam yang mana mengikut kebiasaan pembelajaran adab dan akhlak diajarkan sejak dari kecil bagi keluarga Islam. Asming Yalawae et.al (2011) menjelaskan bahawasanya akidah merupakan sumber akhlak dan budi pekerti seseorang Islam. Menjadi suatu keperluan kepada golongan mualaf untuk memahami bahawasanya akhlak bagi seorang yang beragama Islam sangat berkait dengan akidah dan keimanan bahkan kefahaman dan penghayatan amalan akhlak seseorang itu sangat diperlukan dalam kehidupan sebagai muslim.

Dalam pada itu, permasalahan kajian ini turut menjelaskan terdapat kaitan permasalahan akhlak golongan mualaf dengan hasil penerimaan ilmu pembelajaran yang diperolehi. Sekiranya golongan mualaf memahami apa yang diajarkan guru di dalam kelas, lebih-lebih lagi kefahaman dalam pembelajaran ilmu akidah, golongan mualaf akan bersikap dengan akhlak muslim yang baik. Hal ini menjelaskan bahawasanya penyampaian pengajaran guru di dalam kelas diterima dan difahami dengan baik.

Namun begitu, sekiranya wujud permasalahan akhlak di dalam kelas pembelajaran, ini bermakna terdapat kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang guru gunakan tidak sampai tahap kefahaman golongan pelajar mualaf dengan baik. Dapatankajian Mohd. Zaid Mohd. Zain dan Ahamad Asmadi Sakat (2010) ada menyatakan bahawasanya sehingga kini masih tidak terdapat satu kaedah mahupun garis panduan yang khusus untuk digunakan oleh para pengajar mualaf menyebabkan kaedah pembelajaran dan pengajaran diserahkan sepenuhnya kepada pengajar. Kenyataan ini menunjukkan bahawa para pengajar perlu menyampaikan pelajaran dengan kaedah dan cara penyampaian yang tersendiri mengikut kemampuan pengajar itu sendiri. Hal ini menyebabkan keberkesanan pengajaran modul pendidikan Islam tidak berada pada tahap yang memberansangkan.

Justeru, pemerksaan pendidikan mualaf khususnya bagi golongan mualaf di KFAM LZS hendaklah dipantau dari semasa ke semasa dari sudut aspek penyampaian pengajaran, pembelajaran dan modul agar golongan mualaf dapat memahami setiap apayang diajar oleh guru dan guru juga dapat menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan sebaiknya kepada mualaf. Penilaian terhadap sistem pendidikan mualaf

hendaklah dilaksanakan bagi mengetahui tahap kefahaman dan penghayatan beragama mualaf. Dengan bilangan mualaf yang sentiasa bertambah, ia memerlukan kerjasama dari semua pihak agar dapat memberikan kefahaman pendidikan Islam yang baik kepada golongan mualaf.

SOROTAN LITERATUR

Modul, Pengajaran dan Pendidikan Mualaf

Pendidikan Islam merupakan medium utama bagi mualaf untuk meningkatkan pengetahuan agama Islam. Mualaf merupakan golongan muslim yang masih dalam proses mempelajari agama Islam. Golongan mualaf memerlukan bimbingan yang efektif bagi membantu mereka membina persepsi diri yang baru selepas menjalani proses konversi agama. Dalam *At-Ta'dib Jurnal Kependidikan Islam* ada memetik penjelasan Hasan al-Sharqawi (1983) bahawa pendidikan Islam sebagai satu kefahaman yang akan menjauhkan manusia dari sifat tercela dan menyelami sifat terpuji. Ini bermakna bahawa pendidikan Islam adalah pendidikan yang membentuk nilai moral akhlak yang tinggi dengan menjauhi sebarang amalan sifat buruk dan memuliakan peribadi dengan akhlak yang murni. Oleh yang demikian, perlunya dapatan kajian sebelum ini diterokai bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas berkenaan kajian yang dilakukan. Sebagaimana tajuk kajian adalah berkenaan pembinaan modul pengajaran pendidikan akhlak mualaf, maka hasil kajian sebelum ini yang akan di jadikan bahan rujukan adalah lebih memfokuskan kajian yang menjurus kepada bidang kajian berkaitan modul, pengajaran dan pendidikan mualaf.

Pertamanya, dapatan kajian Razaleigh Muhamat @ Kawangit dan Marlon Pantino Guleng (2014) yang bertajuk Respon Mualaf Terhadap Pendidikan dan Latihan Amali yang dilaksanakan oleh Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) dalam kertas kerja seminar antarabangsa Dakwah dan Etnik menyatakan bahawa badan yang menjalankan pendidikan kepada mualaf secara formal hanyalah Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) yang terletak di Pengkalan Chepa, Kelantan. Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) merupakan satu-satunya institut pendidikan yang mengeluarkan sijil pengiktirafan kepada mualaf selepas menamatkan pembelajaran. Terdapat pelajar-pelajar dari IDIP ini yang kemudiannya telah menjadi pendakwah terkenal. Ini membuktikan bahawa sekiranya pendidikan dilaksanakan secara bersepadu dan menyeluruh, mualaf mampu menjadi harapan perantis kepada pendakwah-pendakwah

yang sedia ada. Hasil kajian yang dilakukan lebih menampakkan impak positif terhadap sistem pendidikan yang dijalankan di Institut Dakwah Islamiyah Perkim (IDIP).

Sehubungan dengan itu, dalam hasil penulisan yang bertajuk Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Mualaf : Satu Tinjauan Literatur oleh Siti Fathimatul Zahrah dan Athiroh Masya' il Tan (2015) ada menyatakan bahawasanya kaedah pendidikan yang sesuai akan membantu meningkatkan kualiti kefahaman. Pengajar atau pendakwah yang mendidik mualaf telah mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran yang bersesuaian supaya pembelajaran dapat diterima dengan baik. Penulisan ini turut membincangkan masalah pendidikan terhadap mualaf, faktor-faktor yang membantu keberkesanan pendidikan dan juga aplikasi metode pengajaran pendidikan Islam menurut perspektif al-Qur'an dalam usaha membantu mengurangkan ketidakfahaman golongan mualaf dalam pembelajaran pendidikan Islam. Hasil kefahaman yang berkualiti akan meningkatkan tahap penghayatan Islam yang tinggi dikalangan mualaf. Penulisan ini sangat membantuyenyelidik dalam memahami tinjauan awal berkenaan sistem pendidikan mualaf.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Mohamad Zaid Mohd Zain dan Ahamad Asmadi Sakat (2010) yang bertajuk Kesan Pengajaran dan Pendidikan Agama di Kalangan Saudara Baru : Kajian di PERKIM Negeri Sembilan mengatakan bahawa program pengajaran dan pendidikan agama dalam kalangan saudara baru yang dijalankan di PERKIM Bahagian Negeri Sembilan dan juga aktiviti pendidikan yang perlu dilaksanakan untuk memenuhi keperluan dan kehendak saudara baru. Hasil kajian menunjukkan kesan pendidikan agama dalam kalangan saudara baru masih belum mencapai tahap yang boleh dibanggakan. Dalam hal ini, pihak PERKIM perlu merancang program pendidikan yang lebih sistematik dan juga menyelaras modul pendidikan yang lebih komprehensif untuk saudara baru.


Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Rosmani Binti Hussin (2004) pula yang bertajuk Modul Bimbingan Saudara Baru : Kajian di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) membincangkan mengenai modul bimbingan saudara baru di JAHEAIK. Hasil kajian menunjukkan bahawa kurikulum yang digunakan oleh Unit Saudara Baru, JAHEAIK mampu dikuasai oleh saudara baru. Ini berdasarkan responden yang mencatatkan respon positif melebihi bilangan negatif.

METODOLOGI

Kajian menggunakan rekabentuk kajian kualitatif iaitu kajian kepustakaan atau *library research* yang berfokuskan kepada analisis dokumen. Pengumpulan data adalah melibatkan sumber sekunder daripada kajian-kajian lepas seperti buku-buku, artikel- artikel, laporan akhbar dan bahan daripada audio-video seperti rakaman youtube, posteryang mempunyai unsur yang dikaji. Hal ini selari dengan pandangan Glenn A. Bowen (2009) dalam artikelnya bertajuk *Document Analysis as a Qualitative Research Method* menjelaskan bahawa *document analysis is a systematic procedure for reviewing or evaluating documents-both printed and electronic (computer-based and internet-transmitted) material.*

DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian telah memberi suatu justifikasi yang jelas tentang perlunya fasa analisis keperluan dilaksanakan sebelum sesebuah modul dibangunkan. Seperti yang dinyatakan oleh Branch dan Dousay (2015), bahan pengajaran yang baik ialah bahan yang dapat mengasah kebolehan seseorang dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahirannya. Proses pembinaan sesebuah modul perlulah mengambil kira aspek yang dapat memenuhi objektif yang hendak dicapai melalui pembinaan modul tersebut. Data analisis dokumen telah menghasilkan dua elemen yang diperlukan bagi strategi penyampaian pengajaran modul. Ia seperti rajah 1 berikut:



Rajah 1 : Elemen strategi penyampaian pengajaran modul pendidikan akhlak mualaf (Ubah Suai Pengkaji 2023)

Elemen Satu : Pendekatan Kaedah Penyampaian Modul Pengajaran Pendidikan Akhlak Mualaf

Secara umumnya, dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, kaedah penyampaian modul pengajaran adalah aspek yang perlu diberi perhatian. Ini kerana ia menjadi penggerak dua hala antara guru dan pelajar untuk saling sentiasa berinteraksi serta saling pengaruh-mempengaruhi (Ab. Halim dan Mohamad Khairul Azman 2010). Dalam hasil kajian ini, pendekatan kaedah penyampaian modul pengajaran pendidikan akhlak bagi mualaf adalah merujuk kepada :

(i) Pendekatan kaedah penyampaian modul pengajaran berdasarkan pendekatan pendidikan akhlak al-Quran dan hadis

Terdapat beberapa metodologi yang digunakan oleh al-Quran dan hadis yang mana ia merupakan pendekatan yang komprehensif dan efektif dalam mendidik dan membentuk akhlak manusia. Pendekatan tersebut dapat dilihat berdasarkan jadual 1 berikut :

Jadual 1 : Pendekatan Kaedah Penyampaian Modul Pengajaran Pendidikan Akhlak Muallaf berdasarkan pendekatan pendidikan akhlak al-Quran dan Hadis (Ubahsuai pengkaji berdasarkan kajian Asmawati Suhid (2009))


Pendekatan al-Quran dan Hadis	Huraian
Qudwah Hasanah (Contoh Tauladan yang Baik)	Al-Quran mempamerkan contoh-contoh akhlak yang terpuji dan mulia melalui kisah para nabi dan rasul agar menjadi iktibar untuk umat manusia. Para nabi dan rasul merupakan rolemodel atau contoh terbaik bagi umat manusia. Sebagai contoh, Rasulullah s.a.w sendiri digelar al-Amin (yang jujur) oleh pembesar-pembesar dan umat Arab Jahiliyyah kerana sifat kejujuran Baginda yang tiada tolok bandingnya.
Penceritaan atau Kisah	Al-Quran menggunakan kaedah penceritaan dan kisah dengan gaya bahasa yang indah dan menarik dengan memperlihatkan pengajaran yang amat baik mahupun perkara yang perlu mengambil iktibar daripadanya. Hal ini jelas dinyatakan dalam firman Allah s.w.t surah Yusuf (12:11). Antara contoh yang boleh dilihat adalah melalui kisah umat Nabi Nuh a.s yang dibinasakan Allah s.w.t dengan banjir besar kerana ingkar kepada perintah Allah s.w.t
Pengajaran dan Nasihat	Kaedah pengajaran dan nasihat yang digunakan dalam al- Quran dan hadis dapat mendidik manusia ke arah kebenaran, kebaikan dan kesejahteraan sehingga dapat membangkitkan rasa kesedaran dan keyakinan kepada ajaran Islam. Sebagai contoh al-Quran mengajarkan manusia supaya berlemah lembut dalam perkataan ketika memberi nasihat dan beredakwah, berlaku adil walaupun berlainan bangsa, agama dan keturunan, berbuat baik kepada ibu bapa dan lain-lain lagi.
Ganjaran dan Dendam	Pendekatan berbentuk ganjaran dan dendam ini merupakan peringatan kepada manusia agar sentiasa mengikut garis-garis dan batas yang ditentukan syarak dalam kehidupan seharian. Bagi kalangan muslim mukmin yang melakukan amalan dan perbuatan mulia yang diredhai Allah s.w.t, maka sudah pasti menerima ganjaran pahala dan ditempatkan di dalam syurga di akhirat nanti. Sebagaimana ia jelas dalam firman Allah s.wt Surah an-Nisaa (4:124). Begitu juga sebaliknya, bagi yang melakukan perbuatan keji dan perkara mungkar, maka dosalah yang akan didapatkan dan ditempatkan di dalam neraka sebagaimana dijelaskan dalam surah al-Mukminun 23:103.
Perbandingan dan Perumpamaan	Pendekatan perbandingan dan perumpamaan banyak digunakan dalam al-Quran. Pendekatan ini amat baik dan berkesan untuk memberikan pendidikan dan membentuk akhlak manusia. Sebagai contoh perumpamaan yang dipaparkan dalam firman Allah sw.t surah al-Hajj (22:73) menjelaskan kepada manusia bahawa segala berhala dan

	patung yang disembah melainkan Allah s.w.t adalah lemah dan tidak berkuasa.
Sebab dan Akibat	Terdapat banyak ayat al-Quran yang menggariskan sebab dan akibat sesuatu perbuatan atau tingkah laku dimana sekiranya perbuatan dan tingkah laku itu baik dan mulia maka sudah pasti membuahkan hasil yang baik, begitu juga perkara yang sebaliknya akibat bagi perbuatan yang buruk maka akan memperolehi kesan yang buruk juga. Contoh ayat al-Quran yang jelas menggunakan kaedah ini ada dalam firman Allah s.w.t surah al-Israa' (17:7).

Berdasarkan jadual 1., jelas di sini al-Quran merupakan sumber utama dan diikuti dengan hadis dalam menggariskan nilai-nilai baik dan buruk bagi sesuatu perkara. Al-Quran dan hadis telah menyediakan panduan dan bimbingan yang lengkap dan menyeluruh kepada umat manusia berkaitan soal akhlak dan moral. Ab. Halim et al (2010) turut menegaskan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam, setiap pendidikan perlu memahami kaedah pengajaran yang terdapat dalam al-Quran dan hadis. Hal ini termasuklah dalam kaedah pengajaran penyampaian pendidikan akhlak kepada muallaf Selangor. Setiap metodologi dan kaedah pengajaran pendidikan akhlak yang diketengahkan melalui al-Quran dan hadis ini dapat memberi peringatan kepada manusia dalam setiap tingkah laku dan membantu manusia dalam menentukan arah tuju akhlak untuk melakukan perkara-perkara yang berakhlak dan diredhai Allah s.w.t.

(ii) Pendekatan kaedah penyampaian modul pengajaran berdasarkan pendidikan akhlak menurut tokoh ilmuan Islam

Berkaitan pendekatan pendidikan akhlak yang diketengahkan oleh tokoh pendidikan Islam, dalam kajian ini pengkaji mengfokuskan kepada pendekatan pendidikan akhlak yang diketengahkan oleh imam al-Ghazali. Imam al-Ghazali banyak memberikan hujah dan pandangan berkaitan tentang konsep akhlak dan pendidikan akhlak manusia. Menurut al-Ghazali, metodologi pendidikan dan pembentukan akhlak seharusnya bersifat teoritikal dan praktikal. Al-Ghazali telah membahagikan metodologi atau kaedah pendidikan akhlak dalam dua kategori iaitu berdasarkan gambar rajah 2 berikut :



Rajah 2 : Metodologi pendidikan akhlak al-Ghazali (Asmawati 2009)

Berdasarkan gambar rajah 2, al-Ghazali telah mengkategorikan metodologi pendidikan akhlak kepada dua iaitu metodologi pendidikan akhlak kanak-kanak dan metodologi pendidikan akhlak dewasa. Bagi metodologi pendidikan akhlak kanak-kanak, terdapat enam cara atau kaedah yang telah diberi garis panduan dalam mendidik akhlak anak-anak. Bermula dengan memupuk amalan kebiasaan yang baik. Lazimnya kaedah ini dimulakan dari pendidikan di rumah yang menjadi tanggungjawab ibu bapa. Anak-anak perlu diajar dan dilatih dengan adab-adab yang baik dan murni mengikut acuan ajaran Islam supaya ia menjadi kelaziman dan kebiasaan bagi anak-anak untuk mengamalkannya. Contohnya, anak-anak boleh diajar supaya membaca doa-doa tertentu bagi amalan tertentu seperti doa sebelum makan, doa sebelum selepas masuk tandas, saling berkasih sayang dalam keluarga dan lain-lain lagi.

Seterusnya, selain memupuk amalan yang baik menjadi kebiasaan, ibu bapa juga hendaklah sentiasa menyemai dalam diri anak-anak sifat-sifat mahmudah atau sifat-sifat yang baik. Contohnya bersifat jujur dan ikhlas dalam setiap perbuatan dan tingkah laku, tidak sombong dan bersopan santun sesama manusia untuk menyemai sifat rendah hati serta saling hormat-menghormati sesama manusia. Dalam pada itu, ibu bapa merupakan role model yang terdekat dan paling hampir dalam kehidupan anak-anak. Maka keperluan bagi ibu bapa berkata-kata dan menutur menggunakan bahasa yang baik serta sesela didengar akan turut mempengaruhi anak-anak di masa akan datang. Hal ini kerana anak-anak mudah meniru atau menuturkan kembali apa sahaja perkataan atau bahasa yang digunakan oleh ibu bapanya.

Al-Ghazali turut menekankan kepada pembinaan dan pengukuhan intelektual serta fizikal kanak-kanak. Dari aspek pengukuhan intelektual, kanak-kanak yang sudah boleh membaca, menulis dan mengeja perlu didedahkan dengan bahan-bahan bacaan yang mempunyai unsur-unsur yang baik dan nilai positif seperti kisah akhlak para nabi, tokoh-tokoh Islam dan lain-lain lagi bagi memupuk nilai peribadi yang baik serta memahami keperluan untuk menyayangi ahli keluarga dan masyarakat.

Setelah itu, al-Ghazali turut mengengahkan metodologi memberi ganjaran dan dendaan sebagaimana yang pernah dijelaskan dalam metodologi pendidikan akhlak bersumber al-Quran dan hadis. Maksud ganjaran yang diberikan oleh al-Ghazali adalah berbentuk memberi pujian terhadap tingkahlaku yang baik sebagai memberi galakan kepada anak-anak memupuk akhlak yang baik serta dalam aspek dendaan, al-Ghazali memilih untuk lebih bersederhana dengan memberi pandangan dengan menyatakan bahawa anak-anak yang melakukan kesalahan untuk kali pertama tidak perluditakutkan dengan kesalahannya. Apa yang perlu ibu bapa lakukan ialah dengan memberi penerangan kepada kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak dan mencadangkan tingkah laku yang baik dari kesalahan tersebut.

Metodologi pendidikan akhlak kanak-kanak al-Ghazali yang terakhir menyatakan rakan sebaya merupakan antara faktor yang banyak menyumbang kepada pembentukan dan pendidikan akhlak manusia. Malah, pengaruh rakan sebaya lebih kuat daripada keluarga. Oleh yang demikian, apabila anak-anak sudah mula pandai berkawan, menjadi tanggungjawab ibu bapa dalam menasihatkan anak-anak supaya memilih atau berkawan dengan rakan-rakan yang mempunyai akhlak yang baik.

Bagi metodologi pendidikan akhlak dewasa pula, al-Ghazali telah memberikan tiga cara dalam membentuk akhlak manusia. Pertama melalui kaedah pembentukan. Kaedah ini merujuk kepada konsep kebiasaan tingkah laku yang baik dan positif mampu memberikan kepuasan dan kesan-kesan positif kepada si pelaku dengan melakukan perkara-perkara yang menghalau ke arah sifat kebaikan tersebut. Contoh yang boleh diberikan adalah seperti seseorang yang ingin menjadi seorang yang bersifat dermawandan tidak bakhil, maka dia perlu menderma sejumlah wang kepada fakir miskin, masjid mahupun sesiapa yang lebih memerlukan mengikut kemampuannya bagi usaha kepada dirinya untuk menyemai konsep kebiasaan dalam diri.

Kedah yang kedua adalah berkaitan kaedah penghalangan yang mana ia mengajak manusia agar menjauhkan diri dari perkara-perkara yang boleh membentuk karakter seseorang kepada sifat yang buruk sama ada dari luaran mahupun dalaman. Contohnya dengan cara seseorang mendidik individu supaya berjimat cermat dalam urusan perbelanjaan kehiduan. Apabila amalan berjimat cermat ini dijadikan kebiasaan, maka cara ini mampu mendidik dan mengawal keinginan manusia supaya tidak bersikap boros dan membazir ketika berbelanja.

Kaedah pendidikan akhlak al-Ghazali kepada golongan dewasa yang terakhir adalah berbentuk kaedah penyembuhan. Menurut al-Ghazali, sebagaimana satu penyakit yang memerlukan ubat, begitu jugalah akhlak manusia yang sakit dan tidak sihat perludibersihkan serta diubati dengan rawatan tertentu mengikut kepada keperluan individu berdasarkan keadaan peribadinya. Hal ini kerana setiap individu mempunyai masalah tingkah laku dan sikap yang berbeza.

Kaedah atau metodologi yang telah dibincangkan di atas adalah berpandukan idea ataugagasan yang telah dikemukakan oleh al-Ghazali. Al-Ghazali turut menyatakan kaedah penilaian koreksi diri dalam mendidik akhlak individu. Dalam Islam, amalan inidisebut dengan kaedah muhasabah diri (menilai diri) (Hamid Fahmi Zarkasyi 1990). Ia merupakan amalan terpuji yang harus ditanam dan disebatkan dalam cara hidup seorang Muslim supaya segala gerak hati, lintasan fikiran dan tingkah lakunya dapat dikawal.

Elemen Dua : Inovasi Dalam Pembentukan Guru Pendidikan Akhlak Mualaf

Secara umumnya, syarat pelantikan untuk menjadi GPAM LZS, antaranya adalah perlu mempunyai tauliah mengajar yang berdaftar dibawah pendaftaran pentauliah mengajar Majlis Agama Islam Selangor. Hal ini menjelaskan, secara asasnya GPAM LZS adalah merupakan dalam kalangan guru pendidikan Islam. Hasil dapatan analisis keperluan bagi strategi penyampaian pengajaran turut melihat pendekatan keperluan inovasi dalam pembentukan guru pendidikan akhlak mualaf dengan melihat dari sudut aspek penguasaan ilmu. Keperluan menambah penguasaan ilmu bagi guru pembimbing mualaf adalah berdasarkan aspek berikut :

(i) Aspek penguasaan ilmu asas perguruan

Dalam aspek penguasaan ilmu asas perguruan, pengkaji melihat kepada keperluan komponen asas untuk latihan guru pendidikan Islam. Hal ini termasuklah bagi guru pendidikan asnaf mualaf (GPAM) LZS perlu dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran asas perguruan yang mencukupi untuk mendidik pelajar menjadi muslim yang bertaqwa. Personaliti guru, ilmu pengetahuan, pengetahuan pedagogi kandungan, kepelbagaian kemahiran dan motivasi dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan komponen ilmu asas perguruan bagi seorang guru yang mengajar pendidikan Islam termasuklah pendidikan akhlak. Berikut merupakan huraian berkaitan setiap satu komponen ilmu asas perguruan tersebut :

Jadual 2 : **Komponen ilmu asas perguruan bagi seorang guru yang mengajar pendidikan akhlak mualaf**

Komponen ilmu asas perguruan	Huraian
Personaliti guru	<p>Tingkah laku dan sikap guru sentiasa diperhatikan dan dinilai oleh pelajar-pelajar bukan sahaja semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah atau di dalam sekolah malah juga ketika di luar kawasan sekolah. Perwatakan guru amat penting kerana ianya melambangkan personaliti mereka. Abdullah (1995) mengatakan bahawa perwatakan tersebut boleh dipupuk melalui sifat-sifat spriritual seperti ikhlas, jujur, sabar, kasih sayang, warak dan taqwa bahkan menerusi sifat-sifat fizikal seperti tutur kata, tingkah laku, kebersihan diri, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain. Keperluan bagi guru pembimbing asnaf mualaf dalam menjaga personaliti sangat berkait dengan guru menjadi role model kepada pelajar mualaf yang dalam keperluan bimbingan yang baik sebagai seorang muslim.</p>
Ilmu pengetahuan Guru	<p>Al-Abrasyi (1974) menekankan bahawa seorang guru perlu sentiasa berusaha mempertingkatkan pengetahuannya sama ada dalam bidang yang diajarnya ataupun cara dia mengajar ilmu tersebut. Seorang guru perlu mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan termasuk pengetahuan yang mendalam terhadap mata pelajaran yang diajarnya. Guru-guru perlu diberikan latihan yang berterusan supaya menguasai ilmu-ilmu pengajian Islam. Begitu juga dengan guru pembimbing asnaf mualaf, sekalipun telah mempunyai tauliah mengajar yang berdaftar, ilmu pengetahuan harus terus ditingkatkan bagi menjadi contoh kepada pelajar mualaf tentang kepentingan ilmu dalam kehidupan dapat memberi kefahaman dan penghayatan yang baik dalam ajaran Islam.</p>
Pengetahuan pedagogi kandungan	<p>Menurut Shulman (1987), terdapat dua perkara yang menjadi asas kepada <i>teacher knowledge base</i>, iaitu pengetahuan isi kandungan subjek dan pengetahuan pedagogi subjek. Pengetahuan pedagogi kandungan ini merujuk kepada bagaimana guru menentukan pengajaran di dalam kelas sesuai dengan kandungan mata pelajaran yang meliputi elemen pendekatan, strategi, teknik, pengurusan bilik darjah, interaksi guru dan kesesuaian bahan bantu mengajar yang digunakan. Pentingnya bagi guru pembimbing asnaf mualaf untuk mendapatkan ilmu berkaitan pengetahuan pedagogi kandungan. Ia bagi memudahkan guru-guru dapat menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dengan lebih tersusun dan sistematik.</p>

	Guru harus mempunyai kemahiran mengajar meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau
--	--

<p>Kepelbagaian kemahiran</p>	<p>kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan berkesan melalui pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran-kemahiran tersebut amat penting bagi memastikan guru berupaya mengendalikan pelajaran yang tinggi mutunya agar pelajar tertarik kepada pelajaran yang bermakna dan menyeronokkan. Kemahiran mengajar membolehkan aktiviti pengajaran dilaksanakan dengan sistematik dan langkah demi langkah, iaitu daripada peringkat permulaan diikuti dengan peringkat perkembangan konsep dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007). Justeru, guru pembimbing asnaf mualaf perlu lebih kreatif dalam meningkatkan kepelbagaian kemahiran pengajaran dalam penyampaian pendidikan kepada pelajar mualaf</p>
<p>Motivasi dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P)</p>	<p>Motivasi merupakan salah satu unsur penting bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam keadaan yang berfaedah dan bermakna (Al-Ghazali, t.th). Guru perlu membangkitkan motivasi pelajar untuk belajar kerana keinginan untuk belajar bukanlah suatu kemestian yang ada pada semua manusia. Oleh itu, ia merupakan salah satu aspek yang perlu dititikberatkan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan. Tanpa motivasi, proses pembelajaran menjadi tidak bermakna dan tidak berkesan (Shahabuddin et al., 2003). Begitu juga, bagi guru pembimbing asnaf mualaf harus sentiasa bermotivasi terlebih dahulu sebelum mereka dapat memotivasikan pelajar-pelajar mualaf ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.</p>

Berdasarkan jadual 2, huraian berkaitan komponen ilmu asas perguruan menjelaskan guru memainkan peranan penting dalam pengajaran pendidikan Islam. Hal ini termasuklah keperluan bagi pengajaran pendidikan akhlak oleh guru pembimbing asnaf mualaf di Selangor. Mereka bukan sahaja berperanan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar malah bertanggungjawab untuk meningkatkan penguasaan dan penghayatan ilmu pelajar. Menurut Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi (2010), tugas guru menurut perspektif Islam merangkumi pelbagai tanggungjawab yang sangat luas dalam pembangunan akhlak dan diri manusia iaitu sebagai murrabi, muaddib dan bukan semata-mata seorang mu`allim.

Justeru, menjadi guru pendidikan Islam merupakan golongan yang mempunyai didikan agama yang baik. Oleh itu, guru dianggap sebagai golongan yang boleh dijadikan contoh tauladan atau ikon kepada pelajar dalam menjalani kehidupan beragama (Mustafa, 2004). Guru harus mendorong sikap dan tingkah laku pelajar ke arah kebaikan melalui pendekatan yang berhikmah. Penyediaan guru yang berkualiti amat penting bagi menjayakan matlamat pendidikan Islam.

(ii) Aspek penguasaan ilmu asas perbandingan agama

Ilmu perbandingan agama merupakan salah satu disiplin ilmu pengetahuan dalam memahami agama-agama yang pelbagai serta kaitannya dengan agama lain dengan jalan mencari persamaan dan perbezaan di antara agama (Abd al-Razak Abdullah Hasyi 2012). Penggunaan ilmu perbandingan agama menjadi pendekatan aktivis dakwah dalam menyampaikan dakwah mereka. Ia turut menjadi faktor yang menyumbang kepada tersebarnya Islam dan ajarannya kepada penganut agama lain. Bahkan, masyarakat yang beragama Islam turut mengenali dan menghormati orang sekitar mereka yang bukan beragama Islam setelah mengetahui hal ehwal perbandingan agama ini.

Sehubungan dengan itu, Aemy Elyani dan Jaffary Awang (2022) menjelaskan bahawa dengan mengetahui ilmu perbandingan agama khususnya agama-agama utama di Malaysia adalah menjadi satu kelebihan bagi pendakwah dan ia merupakan “tool” atau alat menyampaikan dakwah dalam masyarakat majmuk. Ini bertepatan dengan pernyataan Fitri Abdullah (2019) yang menyebut *‘Sebab tu Nabi kata nak berjaya dunia kena ada ilmu, akhirat kena ada ilmu, nak berjaya dunia akhirat perlu ada ilmu. Jadi yang kita bincang bukan perbandingan agama, bukan nak banding-banding. Dia akan jadi satu tools kepadakita. Satu alat. Khususnya pada pendakwah.’* (Aemy Elyani dan Jaffary Awang 2022)

Oleh yang demikian, dalam mendalami perihal tentang strategi penyampaian pendidikan guru, tugas guru didapati sangat berkait dengan tugas sebagai pendakwah. Hal ini turut dihuraikan dalam erti kata lain bahawa seorang guru pendidikan Islam juga harus memainkan peranan sebagai seorang pendakwah atau da'i (Muhamad Faiz et al., 2012). Sebagai guru yang berperanan sebagai pendakwah, tugas penting mereka ialah memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang ajaran Islam dan pelaksanaannya dalam kehidupan seharian, khususnya dalam kalangan pelajar-pelajar mereka (Ab Halim et.al 2012).

Justeru, menerusi inovasi membentuk guru pembimbing asnaf mualaf, penerapan keperluan guru manambah tingkat ilmu berkaitan asas ilmu perbandingan agama adalah dapat membantu guru pembimbing asnaf mualaf memberi kefahaman yang lebih baik ketika menyampaikan ilmu berkenaan ajaran Islam secara perbandingan dengan agama-agama lain. Juga, guru pembimbing asnaf mualaf akan dapat lebih mengenali dan memahami peribadi golongan mualaf yang menjadi pelajar dibawah tanggungjawabnya. Malah perkara ini turut termasuk dalam salah satu pedagogi Rasulullah SAW dalam mengajar umatnya dan juga merupakan aplikasi kepada teori-teori pendidikan Islam menurut al-Quran al-Karim, al-Sunnah dan inovasi para ulama muktabar.

(iii) Aspek penguasaan ilmu asas psikologi pendidikan

Ilmu psikologi merupakan satu bidang ilmu yang mengkaji tentang manusia dan cuba memahami manusia secara mendalam ke atas semua skop kehidupannya (Mahmood Nazar 2001). Hasil kajian berkaitan ilmu psikologi ini tercetuslah teori tentang personaliti, sikap dan tingkahlaku manusia dengan tujuan utamanya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memahami manusia.

Lazimnya, golongan mualaf menghadapi lima tahap psikologi iaitu tahap tenang, konflik kepercayaan, desakan mencari kebenaran agama, tekanan psikologi dan tenang semula (Nur Athiroh Maasyail Tan dan Fariza Md Syam 2009). Menurut Salasih Hanin Hamjah (2021), psikologi dan pendidikan merupakan antara bidang ilmu yang perlu dikaji dalam kehidupan mualaf. Hal ini kerana golongan mualaf sering menghadapi pelbagai cabaran psikologi dalam usaha mendapatkan pendidikan Islam. Ada dalam kalangan mereka menghadapi tekanan, kebimbangan, kemurungan dan kurang motivasi untuk menimba ilmu.

Terdapat pelbagai kaedah boleh dilakukan bagi menghadapi cabaran psikologi pendidikan mualaf sama ada cabaran dalaman mahupun luaran. Islam mendidik umatnya agar tidak berputus asa dan melakukan ikhtiar apabila berhadapan dengan sesuatu cabaran. Antara kaedah yang boleh dilakukan bagi melestarikan usaha menuntut ilmu Islam seperti meyakini tentang kelebihan menuntut ilmu, terus mendalami ilmu Islam sebagai kekuatan hujah mempertahankan kebenaran, membina kekuatan spiritual, memperkukuh keyakinan diri dan dapatkan sokongan moral daripada individu tertentu yang signifikan dalam kehidupan (Salasih Hanin Hamjah 2021).

Dalam memenuhi keperluan bagi pendidikan mualaf, ilmu psikologi dilihat sebagai salah satu ilmu asas yang penting untuk dikuasai oleh guru pembimbing asnaf musalaf di Selangor. Ilmu ini berkaitan dengan ilmu mengenal diri, lebih-lebih lagi bagi golongan mualaf yang sedang melalui cabaran kehidupan sebagai muslim. Dengan ilmu psikologi ini, guru berperanan untuk mengajar golongan mualaf dalam membantu diri untuk mengenali diri sendiri dan mengenali orang di sekelilingnya. Dengan ilmu psikologi juga, seorang mualaf itu lebih mudah untuk menyesuaikan dirinya dengan kehidupan baharu setelah memeluk Islam kerana dia dapat mengawal emosi, fikiran dan tingkahlakunya ke arah gaya hidup yang sejahtera. Justeru, sebelum memberi kefahaman kepada golongan mualaf berkaitan keperluan mereka memahami tentang keadaan diri mereka, adalah menjadi keperluan kepada GPAM untuk mengetahui ilmu asas berkaitan ilmu psikologi khususnya dalam pendidikan akhlak golongan mualaf.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini telah memberi justifikasi yang jelas kepada pengkaji khususnya untuk mereka bentuk dan membina modul pengajaran pendidikan akhlak bagi memenuhi keperluan pendidikan mualaf di Selangor. Proses pembinaan sebuah modul pengajaran pendidikan dalam sesebuah sistem pendidikan tidak akan lengkap dan sempurna sekiranya mengabaikan salah satu aspek atau elemen yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Sebagaimana kajian yang dilakukan adalah berkaitan penelitian keperluan bagi elemen strategi penyampaian pengajaran dalam pembinaan modul pengajaran pendidikan akhlak mualaf di Selangor. Dalam membincangkan hal berkaitan strategi penyampaian pengajaran, al-Syaibani (1991) telah menekankan perlunya kepada penggunaan kaedah yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana kaedah yang baik dapat membantu pelajar memperolehi ilmu pengetahuan, kemahiran

dan dapat mengubah tingkah laku dengan menanam minat dan nilai-nilai murni yang diinginkan.

Sehubungan dengan itu, kaedah pengajaran yang digunakan perlu diaplikasikan dengansebaiknya supaya dapat memberikan kefahaman kepada pelajar. Al-Jumbulathi dan AbuFutuh al- tunisi (1973), turut menjelaskan kaedah pengajaran adalah sebagai cara yang diikuti oleh guru bagi menyampaikan maklumat kepada para pelajar. Kaedahpengajaran ini adalah langkah atau cara yang dilakukan oleh guru dan pendidik supaya para pelajar dapat memahami isi kandungan pelajaran yang disampaikan kepada mereka. Oleh yang demikian, kaedah pengajaran yang menepati keperluan pelajar dari golongan muallaf perlu di teliti oleh GPAM ketika sesi pembelajaran supaya penyampaian ajaran Islam dapat difahami dan dihayati dengan sebaiknya.

Dalam pada itu, bagi dapatan kajian menerusi analisis keperluan berkaitan strategi penyampaian pengajaran berdasarkan elemen pendekatan al-Quran dan hadis serta pendekatan tokoh ilmuan Islam iaitu al-Ghazali telah menunjukkan bahawasanya dalam melaksanakan sesuatu kaedah pengajaran, setiap guru perlu menyampaikan pengajaran dan pembelajaran mengikut kecenderungan dan peringkat kematangan pelajar berdasarkan umur dan kecerdasan otak masing-masing. Imam al-Ghazali (1939) turut menegaskan agar guru menyampaikan pelajaran menurut kadar kefahaman dan peringkat pencapaian akal fikiran para pelajar. Sesuatu pelajaran yang disampaikan tanpa mengambil kira peringkat akal dan pencapaian pelajar, ia boleh membawa kepada kerumitan dan kebosanan dan akhirnya membawa kepada kegagalan untuk mencapai objektif pengajaran yang ditetapkan.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawasanya aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian boleh membantu pelajar golongan muallaf Selangordalam memahami dan menghayati pendidikan akhlak yang dipelajari. Dengan erti kata yang lain, aktiviti pengajaran dan pembelajaran semasa guru mengajar pendidikanakhlak kepada pelajar muallaf Selangor mestilah mampu untuk menarik minat mereka untuk mengikuti pelajaran yang di ajar. Contohnya seperti yang dicadangkan oleh Zaharah Hussin dan Ab. Halim (2010) iaitu pembelajaran berasaskan masalah dalam pendidikan akhlak. Pembelajaran berasaskan masalah merupakan salah satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penggunaan sesuatu himpunan masalah yang dibentuk oleh guru untuk diselesaikan oleh sekumpulan kecil pelajar. Penggunaan pembelajaran berasaskan masalah ini dapat meningkatkan keupayaan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawasanya melalui pendekatan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan, ia turut meningkatkan motivasi pelajar dalam sesi pembelajaran.

Bagi hasil kajian analisis keperluan berkaitan strategi penyampaian pengajaran berdasarkan keperluan inovasi dalam pembentukan guru pendidikan akhlak muallaf, peranan guru merupakan peranan penting dalam pengajaran pendidikan Islam. Guru bukan sahaja berperanan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar malah guru juga bertanggungjawab untuk meningkatkan penguasaan dan penghayatan ilmu

sebelum turun ke lapangan pengajaran. Hal ini disokong al-Nahlawy (1983), dengan menyatakan seorang pendidik perlu sentiasa mempertingkatkan keilmuannya, pengetahuannya yang mendalam terhadap mata pelajaran yang diajarkan serta perlu menguasai ilmu pengetahuan lain seperti pengetahuan agama, sejarah, geografi, matematik, bahasa dan sebagainya. Menurutnya lagi, pendidik perlu memastikan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu ilmu agar dihormati dan dipercayai oleh pelajar.

Sebagaimana dalam kajian pembinaan modul pengajaran pendidikan mualaf Selangor, menjadi keperluan bagi GPAM LZS untuk meningkatkan pengetahuan seperti ilmu asas dalam ilmu perguruan, ilmu perbandingan agama dan ilmu psikologi dalam bidang pengajaran. Ia sangat membantu dalam pengajaran pendidikan akhlak kepada golongan pelajar mualaf. Ini kerana latar belakang golongan mualaf ini berbeza antara satu sama lain. Menurut Ab. Halim (2021), setiap pendidik perlu bersedia melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan kepada golongan mualaf. Ini kerana golongan saudara baru sangat memerlukan bimbingan dalam melaksanakan kehidupan sebagai seorang Muslim. Para pendidik juga seharusnya mempunyai strategi, kaedah pengajaran, kemahiran yang sesuai dan terkini serta keilmuan yang mantap bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Justeru, dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam termasuk pendidikan akhlak, setiap pendidik perlu memahami kaedah dan strategi pengajaran yang terdapat dalam al-Quran dan hadis dan meletakkan ia sebagai keperluan asas rujukan utama yang perlu dikuasai. Hal ini kerana ia adalah satu kaedah yang, paling unggul dan amat berkesan dalam pengajaran dan pendidikan bagi membentuk peribadi umat Islam yang lengkap dan sempurna. Justeru, setiap guru boleh memilih kaedah atau strategi pengajaran yang sesuai dengan tujuan pendidikan yang hendak dicapai. Ini kerana bagi menjadi seseorang individu guru yang kreatif, inovatif serta berupaya menggunakan kaedah pengajaran dan pedagogi kandungan yang bersesuaian, guru bukan sahaja mampu memberi kesan positif terhadap prestasi pelajar, bahkan dapat menjana pemikiran yang kritis dan kreatif, mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria dan menggalakkan pelajar untuk menguasai ilmu ke arah penghayatan yang lebih sempurna. Akhir sekali, proses pembinaan modul pengajaran pendidikan akhlak mualaf di Selangor ini perlu mengenal pasti kaedah atau cara yang boleh merangsang pelajar mualaf Selangor untuk berfikir dengan lebih kritis agar mualaf mampu membentuk akhlak yang terpuji.

KESIMPULAN

Pendidikan kepada golongan mualaf memerlukan kepada satu modul pengajaran pendidikan mualaf yang komprehensif termasuk strategi penyampaian pengajaran yang bersesuaian kerana mualaf memerlukan bimbingan asas dan berterusan. Fasa analisis keperluan penting kepada pengkaji sebelum mereka bentuk dan membina modul pengajaran pendidikan akhlak mualaf di Selangor. Berdasarkan analisis dokumen dari kajian literatur, elemen-elemen strategi penyampaian pengajaran yang penting dalam

pembinaan modul iaitu, (i) pendekatan kaedah penyampaian modul pengajaran berdasarkan pendekatan pendidikan akhlak al-Quran dan Hadis serta pendidikan akhlak menurut tokoh ilmuan Islam (ii) inovasi dalam pembentukan guru pendidikan akhlak mualaf yang melibatkan aspek penguasaan ilmu asas perguruan, perbandingan agama dan psikologi dapat dihasilkan. Seterusnya, dapatan kajian ini memberi implikasi positif kepada guru untuk menambah baik kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan teori pendidikan akhlak yang diketengahkan dan bersesuaian dengan latar belakang pelajar mualaf di Selangor. Selain itu, data empirikal daripada analisis keperluan ini memberi satu justifikasi penting kepada pihak berkepentingan seperti LZS akan perlunya sebuah modul yang sesuai dengan ciri-ciri pelajar mualaf yang memerlukan pendedahan pendidikan akhlak tersebut. Di samping itu juga, penyelidikan yang berterusan perlu dijalankan untuk mengenal pasti kaedah terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran yang boleh membantu pelajar mualaf di Selangor dengan lebih baik. Akhirnya, dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi pencetus perubahan untuk menambah baik tahap kefahaman dan penghayatan pelajar mualaf Selangor dalam membentuk akhlak mulia sebagai seorang muslim yang mukmin.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaluddin. (2010). Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam : Konvensional dan Inovasi. Dlm. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. Dlm. Journal of Islamic and Arabic Education. 2(1).
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. Dlm. GJAT December 2012 VOL 2.
- Ab. Halim Tamuri. (2021). Falsafah Pendidikan Islam Dalam Kalangan Mualaf. Dlm. Sistem Pendidikan Mualaf Di Malaysia 2021. Sabah : Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah.
- Ab. Halim, T. & Nik Mohd Rahimi, N. Y. (2010). Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Penerbit UKM, Selangor, Malaysia.
- Abd al-Razak Abdullah Hasyi. (2012). 'Ilm Muqaranah al-Adyan min Manzur Islamiy. Selangor : IIUM Press.
- Abd Razak Md Ali, Mohd Afandi Mat Rani, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Faezy Adenan. (2019). Analisis Pengajian Kelas fardhu Ain Mualaf Pasca Pengislaman di Selangor. Dlm. *Potensi Mualaf Mendepani Cabaran Era Kontemporari*. Selangor : Institusi Kajian Zakat (IKAZ) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).

- Abdullah, I. (1995). Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Aemy Elyani dan Jaffary Awang.(2022). Tinjauan Awal Terhadap Penggunaan Ilmu Perbandingan Agama Dalam Dakwah Di Malaysia. Dlm. Jurnal al-Hikmah 14 (1).
- Ahmad Bashir Aziz. (2004). Nilai Dan Etika Pengurusan: Analisa Dari Perspektif Agamaagama Di Malaysia. Dlm. Kertas kerja Seminar Nilai dalam Komuniti (SIVIC) anjuran Jabatan Pengajian Umum, Universiti Utara Malaysia.
- Al-Abrasyi, Mohd. Atiyyah. (1974). Dasardasar pokok pendidikan Islam. Jakarta: BulanBintang. Jakarta, Indonesia.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Abdullah. (1939). Ihya' Ulum al-Din. Juz 1. Mesir : Matba'ah Mustafa al-Bab al-halabi.
- Al-Jumbulathi, Abu Futuh al- Tunisi. (1973). Dirasat Muqaranha Fi Al-Tarbiyyah Al-Islamiyah. Mesir.
- Al-Nahlawy, Abd. Rahman. (1983). Usul Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah Wa Asalibiha FiAl-Bait Wa Al-Madrasah Wa Al-Mujtama'. Beirut: Dar al-Fikri, Beirut, Lubnan.
- Al-Sharqawi, Hasan (1983), Nahw Tarbiah Islamiah. Iskandariah: Muassasah Thiyab al-Jami'ah.
- Al-Syaibani, omar Muhammad Al Toumy. (1991). Falsafah Pendidikan Islam. Terj. Hassan Langgulung. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asming Yalawae, Mustafa 'Afifi Ab. Halim, Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2011). Akidah: Peranan dan Kepentingannya dalam Memelihara Keharmonian Rumah Tangga. Dlm. Jurnal Usuluddin 33 (Januari – Jun 2011).
- Branch, R.M. & Dousay, T.A. (2015). Survey of Instructional Design Models. Associationfor Educational Communications and Technology.
- Faudzinaim Hj. Badaruddin. (2005). Saudara Kita:Harapan, Realiti dan Cabaran. Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit, Faudzinaim Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pnyt.). Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran. Bangi: Pusat Islam UKM.
- Glenn A. Bowen. (2009). Document analysis as a qualitative research method. QualitativeResearch Journal 9(2): 27-40.
- Hamid Fahmi Zarkasyi . (1990). Pemikiran al-Ghazali Tentang Pendidikan. KualaLumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kamarul, A. J., & Ab. Halim, T. (2007). Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Penerbit UTM, Skudai, Johor, Malaysia.
- Mahmood Nazar. (2001) Pengantar Psikologi : Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mariam Ab. Majid, Syarul Azman Shahrudin, Yusuf Marlon Abdullah, Hanis Najwa. (2015). *Penilaian Kursus Mualaf di Selangor. MAIS*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Zaid Mohd Zain, Ahamad Asmadi Sakat. (2010). *Impak Pengajaran dan Pendidikan Agama di Kalangan Saudara Kita (Mualaf) di PERKIM Negeri Sembilan*. International on Dakwah and Islamic Management Practice and Prospect, 23 November.
- Muhamad Faiz, I., Kamarul, A. J., & Ab. Halim, T. (2012). Pemantapan Peranan Guru dan Kaedah P&P Pendidikan Islam : Suatu Agenda Berterusan. Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012). ms-ms: 91-97.
- Mustafa, H. (2004). Akhlaq baina al-falasifah wa ulama' al-Islam. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Lubnan.
- Nor Arfah Mohd. Mazlan, Abd Hakim Mohad. (2022). -Cabaran Mualaf dalam Membina Kehidupan Baharu: Satu Kajian Kes di Mukah, Sarawak, Malaysia. Dlm. Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islam I-STET 2022.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham. (2009). Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. Jurnal H.adhari 2: 83-97.
- Nur Najwa Hanani Nur Abdul Rahman, Akmaliza Abdullah, Mohammad Naqib Hamdan, Aimi Wafa Ahmad. (2020). Hubungan Emosi Dan Akhlak. Dlm. Kekeluargaan Saudara Baru Selepas Memeluk Islam. Dlm. *Jurnal Umran- International Journal of Islamic and Civilizational Studies*.
- Raba'ahadawiah Ahmad@Yunus, Ezani Yaacob, Amiratul Munirah Yahaya. (2022). Pelaksanaan Pendekatan Dakwah Guru Pembimbing Kelas Fardu Ain Muallaf (KFAM) di Selangor. Dlm. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. Shah Alam : Penerbit UITM Press.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit & Marlon Pontino Guleng. (2014). *Respon Mualaf Terhadap Pendidikan dan Latihan Amali yang Dilaksanakan oleh Institut Dakwah Islamiah Perkim, Kota Bharu Kelantan*. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 20 November.

- Rosmani Hussin (2004). *Modul Bimbingan Saudara Baru : Kajian di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)*. Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI,UKM.
- Salasiah Hanin Hamjah. (2021). Psikologi Pendidikan Mualaf. Dlm. Sistem Pendidikan Mualaf Di Malaysia 2021. Sabah : Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah.
- Shahabuddin, H., Rohizani, Y., & Mohd. Zohir, A. (2003). Pedagogi: strategi dan teknik mengajar dengan berkesan. PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd, Pahang, Malaysia.
- Sharifah Alwiah Alsagof. (1981). Pengenalan Pengajaran Individu Dengan tumpuan khas kepada modul pengajaran dan modul pembelajaran. Dlm. Jurnal Pendidik dan pendidikan. Jilid 3 (1). Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
- Shulman, L. (1987). Knowledge and teaching: Foundation of new reform. *Harvard Educational Review*, 57(1):1-22.
- Siti Fathimatul Zahrah, Athiroh Masya'il Tan. (2015). *Pengajaran Pendidikan Islam terhadap Mualaf. Satu tinjauan Literature*. Dlm. Prosiding Seminar Pengurusan Islam ke arah Pemantapan Ummah. Bangi, Selangor.
- Zaharah Hussin, Ab. Halim Tamuri. (2010). Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam pendidikan Akhlak. Dlm. Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Penerbit UKM, Selangor, Malaysia.